

17/10/1997

Fauzi, Othman terima Perdana

KUALA LUMPUR, Khamis - Dua anggota pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang baru dilantik adalah penerima pertama kereta rasmi Proton Perdana Eksekutif selepas kerajaan memperkenalkan pelan perbelanjaan berhemat.

Timbalan Menteri di JPM, Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Setiausaha Parlimen JPM, Datuk Othman Abdul, menerima kunci kereta masing-masing daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Abdul Halim Ali di sini, hari ini.

Sebuah Proton Perdana Eksekutif edisi khas berharga RM141,000. Kereta berkenaan mengandungi 80 peratus komponen tempatan dan 254 milimeter lebih panjang daripada edisi biasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah anggota pentadbiran yang terawal menggunakan Proton Perdana Eksekutif.

Sebelum ini, Anwar berkata, semua kenderaan rasmi menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen dan pegawai kanan kerajaan akan diganti dengan kereta nasional dan bukan lagi kereta import.

Kereta rasmi Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sebelum ini ialah Mercedes-Benz, manakala Volvo bagi pegawai kanan kerajaan.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Fauzi berkata, sebagai anggota pentadbiran kerajaan, penggunaan kereta Proton tidak akan menjejaskan status kerana status bukan terletak kepada kereta.

"Saya rasa memiliki kereta Proton tidak akan menjatuhkan martabat seseorang, malah mereka yang menggunakan barangan buatan Malaysia martabatnya adalah lebih tinggi," katanya yang turut menyatakan rasa seronok ketika menguji pandu kereta berkenaan.

Menurutnya, cadangan menggunakan kereta Proton itu adalah hasil perbincangan beliau dengan Othman sebelum kerajaan membuat keputusan mengenai perkara itu.

Katanya, sebagai anggota kerajaan mereka bertanggungjawab membantu mengurangkan pengimportan barangan yang termampu.

"Inisiatif ini bukan saja dapat membantu kerajaan daripada segi perbelanjaan, malah ia dapat mengurangkan pergantungan kepada barangan import. Komponen Mercedes Benz yang dipasang di negara ini diimport.

"Atas dasar itu pada 22 Ogos lalu, kami berdua membuat cadangan kepada Dr Mahathir untuk menggunakan kereta Proton. Perdana Menteri bersetuju. Perkara itu kemudian menjadi keputusan dan dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata, keputusan menggunakan kereta Proton juga bertujuan menggalakkan penggunaan lebih banyak barangan buatan Malaysia dan mengurangkan pengimportan barangan.

Katanya, usaha itu dapat mengurangkan defisit aliran tunai ke luar negara memandangkan kereta Proton jauh lebih murah dan menjimatkan.

"Saya rasa siapa lagi yang paling baik untuk menunjukkan keyakinan kepada barangan buatan Malaysia, jika tidak kami sebagai anggota pentadbiran kerajaan, walaupun anggota baru," katanya.

Fauzi yang berpuas hati dengan kereta Proton berkenaan selepas mencubanya berkata, daripada segi keupayaan enjin, kecantikan luaran dan dalaman serta rekabentuk amat memuaskan, tetapi dari segi ketahanan tidak diketahui kerana ia bergantung kepada ujian di jalan raya.

Pengarah Eksekutif Spanco Sdn Bhd, syarikat pembekal kereta rasmi Kerajaan Persekutuan, Hamzah Mohd Salleh, berkata pengedaran kereta Proton

di kalangan anggota pentadbiran kerajaan akan dilakukan secara berperingkat.

(END)